From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 24 April, 2022 4:37:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM BAKAL TERIMA LEBIH RAMAI PELAJAR DARI ZIMBABWE

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 APRIL 2022 / 22 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: CIAC

UUM BAKAL TERIMA LEBIH RAMAI PELAJAR DARI ZIMBABWE



UUM ONLINE: Kementerian Pendidikan Tinggi Zimbabwe berhasrat untuk menghantar pelajar tajaan mereka ke Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai destinasi pendidikan pilihan.

Hasrat tersebut disuarakan oleh Pengarah Pentadbiran Biasiswa, Zimbabwe, William Taringa ketika mengadakan kunjungan ke Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), baru-baru ini.

Kedatangan delegasi itu ke UUM telah disambut Pengarah CIAC, Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar.

Pada pertemuan itu, William berkata, pihaknya bertanggungjawab dalam menyediakan tajaan kepada pelajar pintar Zimbabwe dari kalangan keluarga berpendapatan rendah.

Beliau sedang meninjau institusi di Malaysia yang bersedia bersama-sama menyediakan penajaan kepada pelajar ini bagi membuka peluang kepada lebih ramai pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. William menyatakan hasrat untuk menghantar sehingga 50 pelajar ke UUM.

"Saya sangat berpuas hati dengan prestasi UUM yang dikenali sehingga ke persada dunia, selain menerima maklum balas daripada 15 pelajar Zimbabwe yang sedang mengikuti pengajian di UUM tentang prestasi universiti ini.

“Selain itu, Kementerian ini turut berhasrat untuk menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi merealisasikan inisiatif tersebut dalam masa terdekat,” ujarnya yang berkunjung ke UUM dalam rangka lawatan seminggu ke Malaysia.

Beliau optimis hubungan baik antara UUM dengan negara Zimbabwe sebelum ini telah memberi banyak manfaat kepada rakyat mereka dan berharap hubungan yang terjalin ini akan berterusan pada masa akan datang.

Sementara itu, Arpah berkata, beliau mewakili UUM sangat berbesar hati menerima kunjungan delegasi tersebut dalam usaha merapatkan lagi hubungan antara kedua pihak.

Menurutnya, beliau juga mengalu-alukan kerajaan Zimbabwe untuk menghantar lebih ramai pelajar mereka ke UUM dan pada masa sama dapat membantu melonjakkan nama UUM di peringkat antarabangsa.

Turut serta dalam lawatan ini ialah Timbalan Pengarah Pentadbiran Biasiswa, James Mubonderi dan Pegawai Pentadbiran Biasiswa, Tendai Maronga serta turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan CIAC.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.